



RENU

Oleh TAN SRI SHE

Dr M akan menggeleng-gelengkan kepala...

SEBUAH berita dari Philadelphia, Amerika Syarikat berkata, "The Procrastinators' Club", iaitu Kelab yang terbuka kepada setiap orang yang suka memposon atau menangguhkan keesok hari apa jua kerja yang boleh dilakukannya di hari ini, telah menganugerahkan "award" tahunan kepada "universe" (alam), kerana menangguhkan hari penamatan (berasal dari perkataan tamat) riwayatnya baru-baru ini. (Nota: Seperti para pembaca sedia maklum baru-baru ini ahli-ahli (ilik meramalkan bahawa dunia akan kiamat pada Mac 10, 1982).

Ahli-ahli Kelab berkenaan (yakni "procrastinators") menghadapi sedikit masalah bila mengaturkan "banquet" (dua kali setahun) pada Jumaat lalu. Pengerusi Kelab Les Waas telah menangguhkan penulisan ucapannya ke saat-saat terakhir; tidak menyilapkan sampul-sampul surat yang hendak diutamakan kepada pemenang-pemenang "award"; dan sebahagian besar dari ahli-ahli Kelab tersebut gagal memberitahu Pengerusi sama ada atau tidak mereka akan menghadirkan diri di "banquet" tersebut.

Tidak siapa mengetahui bilangan ahli-ahli Kelab tersebut, yang dikatakan terdapat di seluruh dunia. Kata Mr. Waas, 4,000 ahli telah membayar yuran tahunan mereka sebanyak US\$15 seorang; tapi Jawatankuasa pula mempercayal bahawa sekurang-kurangnya 500,000 ahli masih belum menyelesaikan yuran kebelakangan mereka.

Mr. Waas yang dipilih menjadi Pengerusi Kelab dalam tahun 1956 (di ketika Kelab itu ditubuhkan) berkata, beliau tidak dapat memastikan sama ada atau tidak dia masih berhak menjadi Pengerusi, kerana "election" (pemilihan) belum pernah diadakan semenjak 1957.

Selain dari "universe", pemenang-pemenang "award" tahun ini ialah "States of New Jersey and Mississippi".

Sebab: New Jersey mengambil masa empat minggu sebelum mengumumkan hasil pilihan-raya gabenor, setelah pengiraan undi dilakukan berulang-ulang kali, sementara Majlis Undangan Negeri Mississippi pula telah mengesahkan (ratified) Pindaan yang ke 19 kepada Perlembagaan, yang memberi hak mengundi kepada kaum wanita — setelah menangguh dan menangguhkan perkara ini selama 60 tahun... (Dipetik dari sebuah akhbar luar negeri) Mac 22, 1982 di bawah tajuk, "Procrastinators reward the universe for delaying end").

Komen Penulis:

Begitulah kisah "Procrastinators' Club" di Philadelphia, Amerika Syarikat, yang dianggotai oleh orang-orang yang menangguhkan ke esok hari apa jua kerja atau kegiatan yang boleh dilakukan di hari ini. Dalam bahasa lain, Kelab berkenaan adalah berpandukan kepada slogan: "Jangan lakukan di hari ini apa jua kerja yang boleh ditangguhkan ke esok hari ataupun lusa". (Penulis percaya Dr. M akan menggeleng-gelengkan kepala bila membaca cerita ini!)

Apa yang paling menarik perhatian penulis ialah, Kelab ini belum lagi mengadakan Mesyuarat Tahunan untuk memilih anggota-anggota jawatankuasa yang baru, semenjak ianya ditubuhkan dalam tahun 1956 dahulu!

Catitan Khas:

Penulis percaya di bawah "Pentadbiran 2M" di hari ini penubuhan "Procrastinators' Club", Cawangan Malaysia — sama ada selaku "Friendly Society", badan politik ataupun kedua-duanya sekali — tentu sekali akan ditolak tanpa upacara — kerana amatlah nyata bahawa objektif Kelab ini adalah berlawanan sama sekali dengan dasar Negara, dalam konteks "kecekapan" dan "kelicinan".

Namun demikian, sungguhpun tidak ada sesebuah badan atau agensi di negara ini yang mendaftar diri secara rasmi sebagai "Procrastinators' Club, Biro atau Agensi", tapi secara berpandukan kepada komplek yang disuarakan oleh orang ramai dari masa ke semasa melalui akhbar, seperti jua dengan berdasarkan kepada apa yang diumumkan baru-baru ini oleh Datuk Sanusi Junid, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (yang jua bertanggungjawab dalam hal-hal Koperasi) — penulis mengesyaki ada sebilangan pejabat, Jabatan dan Kementerian serta sebilangan besar syarikat-syarikat kerjasama (di Negara ini) yang mempunyai hubungan separuh-rasmi (dan secara senyap-senyap) dengan "Procrastinators' Club" dikisahkan tadi!

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia